

# Lebih 800 hektar hutan diceroboh

## Dijadikan tapak pertanian, penternakan haram sejak beberapa tahun lalu

Oleh Mohamed Farid Noh  
mfarid@bharian.com.my

**B**ATU PAHAT: Lebih 800 hektar hutan sekitar Empangan Sembrong dan Empangan Bekok, di sini, diceroboh dan pokok ditebang untuk dijadikan tapak pertanian serta penternakan haram sejak beberapa tahun lalu, sekali gus mengancam dua kawasan tadahan air utama negeri ini yang membekalkan air untuk berjuta penduduk.

Pencerobohan bukan saja menjejaskan kualiti dan kuantiti bekalan air, malah mengancam kesihatan pengguna untuk jangka masa panjang. Dua empangan itu pula dikategori sebagai Sasaran Penting Kerajaan Tahap Dua, yang memerlukan kawalan dan penjagaan strategik bagi memastikan keselamatan bekalan air serta berfungsi sebagai penebat banjir.

Empangan Sembrong berkeluasan 130 kilometer persegi, manakala Empangan Bekok seluas 326 kilometer persegi, masing-masing menampung 18 juta dan 32 juta meter padu air.

Jurutera Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Batu Pahat, Mokhtar Abdul Rahim, berkata pencerobohan sejak akhir 1990-an itu sukar

diatasi kerana kawasan rizab JPS itu belum diwartakan, menyebabkan penguatkuasaan undang-undang pencegahan terhadap penceroboh tidak dapat dilaksanakan.

Katanya, JPS tidak dapat berbuat apa-apa, selain meminta bantuan pemantauan dan operasi penguatkuasaan bersepadu daripada pelbagai agensi, termasuk polis, Pejabat Hutan, Pejabat Tanah Daerah (PTD) dan Majlis Daerah Batu Pahat (MPBP) walaupun mengetahui tanah itu diceroboh.

"Pewartaan penting bagi memelihara dan mencegah ia diceroboh. Pada masa ini, penceroboh tidak takut walaupun pemantauan dibuat kerana tahu tiada tindakan boleh diambil terhadap mereka.

"Pencerobohan menimbulkan masalah hakisan kerana struktur tanah menjadi tidak kukuh. Ia juga menjejaskan kualiti air kerana mengandungi tanah, racun toksik pertanian serta najis haiwan. Selain itu, kita bimbang kesan pencerobohan menyebabkan kawasan itu gagal berfungsi sebagai tebatan banjir yang ampuh, terutama bagi mengurangkan kesan banjir di hilir Johor.

"Ia kerana penebangan pokok menyebabkan air hujan tidak dapat diserap tumbuhan di sekeliling em-

pangan secara semula jadi, sebaliknya mengalir terus ke kawasan tadahan tanpa halangan. Akibatnya, empangan tidak dapat menampung jumlah air yang banyak, sekali gus boleh menyebabkan kawasan sekitar ditimpa banjir besar," katanya kepada *Berita Harian*, semalam.

Jumaat lalu, *Berita Harian* mendedahkan sebahagian kawasan tadahan Empangan Sembrong musnah digondol, dipercayai angkara kumpulan pembalak haram. Berikutan itu, Pejabat Hutan Batu Pahat/Yong Peng, menyita 75 balak pelbagai jenis dan 110 balak pendek



*Pewartaan penting bagi memelihara dan mencegah ia diceroboh. Pada masa ini, penceroboh tidak takut walaupun pemantauan dibuat kerana tahu tiada tindakan boleh diambil terhadap mereka*



**Mokhtar Abdul Rahim**  
Jurutera JPS Batu Pahat

bernilai lebih RM23,000 sebelum sempat dikeluarkan.

Mokhtar juga berkata, penceroboh tidak menyedari kawasan empangan berkenaan direka bagi membolehkan air hujan menenggelamkan keseluruhan kawasan hutan di sekitar dua empangan itu, terutama ketika hujan lebat dan air laut pasang dalam bagi mengelakkan bencana banjir besar di hilir Johor.

"Penceroboh mengambil mudah bahaya yang menanti mereka, terutama ketika hujan lebat, apatah lagi sebahagian kawasan hutan kedua-dua empangan itu ditenggelami air ketika banjir besar melanda negeri ini pada 2006," katanya.

Mengenai tindakan, beliau berkata, JPS dari semasa ke semasa membuat permohonan penguatkuasaan daripada pelbagai agensi bagi mengatasi masalah pencerobohan lebih serius.

"Apabila diwartakan, penguatkuasaan undang-undang lebih menyeluruh, termasuk sabitkan penceroboh dengan hukuman berat mungkin akan menakutkan penceroboh. Apabila diwartakan, mungkin beberapa ciri keselamatan dilaksanakan, termasuk pemasangan pagar dan menempatkan pengawal keselamatan 24 jam," katanya.